

## **Inti Sari:**



### **Percantuman Singapura**

Akhirnya Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura telah mencapai persetujuan pada dasarnya untuk bercantum. Ini ialah hasil pertemuan Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, dengan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, di Kuala Lumpur.

Menurut beritanya, Singapura akan mendapat autonomi, iaitu berhak menentukan dasar pelajaran dan perburuhan di Singapura manakala Tanah Melayu berhak menentukan antara lain-lain ialah soal pertahanan.

Pertemuan itu telah juga dihadir oleh Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tun Abdul Razak bin Hussein Al-Haj, Menteri Kewangan Singapura Dr. Goh Keng Swee dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Encik Muhammad Ghazali Shafie.

Kedua pihak telah bersetuju membentuk sebuah badan kerja yang akan menguruskan segala usaha percantuman itu.

Menurut Tengku, satu perkara yang agak rumit dan berkehendak dipecahkan dengan bijaksana ialah masalah

pertahanan, kerana Singapura sebagai pangkalan tentera British dengan sendirinya menjadi pangkalan tentera Pakatan "SEATO" padahal persekutuan Tanah Melayu – kata Tengku lagi – tidak terikat dengan pakat "SEATO" itu.

### **"Melayu Raya"**

Jawatankuasa Setiakawan "Melayu Raya" telah bersidang di Jesselton, Sabah, dan telah berjaya mencapai kata sepakat untuk menjayakan cita-cita "Melayu Raya" yang menjadi idaman itu.

Persidangan itu telah dipengerusikan oleh wakil Sabah Tuan Donald Stephens. Persekutuan Tanah Melayu telah diwakili oleh Menteri Muda Dalam Negeri Encik Ismail Yusof, Encik Hussein Nordin (Setiausaha Agung UMNO) dan Senator S.O.K. Ubaidillah. Manakala Singapura pula telah diwakili oleh Menteri Kebudayaan Tuan Rajaratnam dan Dato' Abdul Hamid bin Haji Jumat.

### **Tanah Melayu Menyambut Kemerdekaannya**

Dalam suasana yang meriah dan gembira, seluruh negara Persekutuan Tanah Melayu telah merayakan hari ulangtahun yang keempat bagi kemerdekaannya.

Sebagai sebuah negara yang sedang membina dan membangun untuk kemakmuran rakyat seluruhnya, sebagai sebuah negara yang memperjuangkan keamanan dan perikemanusiaan dalam dunia internasional, Persekutuan Tanah Melayu telah maju ke hadapan lagi sebagai pelopor untuk menyatukan negeri-negeri dan daerah-daerah Melayu dalam sebuah negara kesatuan "Melayu Raya"!

Selamat dan jaya!